



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PAHANG)

MODUL PINTAS SPM 2023
SEJARAH
1249/2
Oktober
2 jam 30 minit

Dua jam 30 minit

TINGKATAN 5

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab **semua** soalan dalam bahagian A
4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di ruang yang disediakan pada kertas soalan
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang dibenarkan oleh pihak sekolah
6. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Nama Pemeriksa:		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	10	
2	10	
3	10	
4	10	
5	20	
6	20	
7	20	
8	20	
9	20	
Jumlah		

NAMA :

TINGKATAN :

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan

- 1 Perang Dunia Kedua (1939-1945) berlaku di dua medan pertempuran, iaitu di Eropah dan Asia Pasifik.

(a) Nyatakan dua pihak yang terlibat dalam perang tersebut.

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Bagaimanakah Perang Dunia Kedua berakhir di Eropah?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
..... [4 markah]

(c) Apakah peranan generasi masa kini untuk mengelakkan berlakunya perang?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
..... [4 markah]

-
- 2 (a) Jelaskan latar belakang pembentukan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Terangkan peranan kabinet pertama.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Baca pernyataan berikut.

SHAH ALAM - Fungsi dan peranan kabinet perlu ada hala tuju yang jelas terutamanya dalam menyelesaikan kemelut ekonomi, kestabilan politik serta meletakkan kembali negara ke landasan yang betul.

Sumber ubah suai: sinarharian.com.my 27 November 2022

Huraikan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Malaysia merupakan negara persekutuan yang mempunyai pembahagian kuasa antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

(a) Jelaskan maksud Kerajaan Persekutuan.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah dua faktor di bawah mampu mengukuhkan sistem Persekutuan?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Keluhuran Perlembagaan• Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri |
|---|

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Sistem Persekutuan menjamin negara yang lebih mantap.
Beri komen anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Kerajaan Indonesia pada peringkat awal tidak menentang penubuhan Malaysia namun berubah arah kepada menentang penubuhan Malaysia.

(a) Mengapakah Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap penubuhan Malaysia?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan usaha yang dilakukan untuk menamatkan konfrontasi tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa konfrontasi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B
[60 markah]
Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Anak muda merupakan teras kepada gerakan nasionalisme melawan kolonialisme di kebanyakan negara dunia ketiga.

Sumber ubah suai: www.astroawani.com, 28 Ogos 2019

- (a) Jelaskan maksud nasionalisme? [4 markah]
- (b) Huraikan faktor kemunculan gerakan nasionalisme pada abad ke-20 di negara kita. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah perkembangan nasionalisme meninggalkan kesan terhadap negara kita? [8 markah]

- 6 Penolakan terhadap Malayan Union telah membawa kepada termeterainya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- (a) Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]
- (b) Terangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]
- (c) Baca maklumat berikut .

Apabila Malayan Union dibatalkan maka Perjanjian Negeri 1948 menjadi batu asas kepada terma pembinaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Proses rundingan yang berlaku selepas Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 menghasilkan kemajuan pada 1948 dan 1957.

1. Rundingan antara Raja-Raja Melayu dengan Kerajaan British yang mewakili Negeri-Negeri Selat untuk membentuk Kerajaan Persekutuan, iaitu Persekutuan Tanah Melayu 1948. Selanjutnya kedudukan Yang di-Pertuan Agong melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. Maka, lahirlah sebuah persekutuan yang kuat untuk berdepan dengan ancaman luar dan mampu berdikari.

2. Proses bagi kerajaan-kerajaan negeri Melayu berkerajaan sendiri bebas daripada campur tangan British.

3. Proses bagi Negeri-Negeri Selat untuk merdeka dan diserahkan kedaulatannya kepada Kerajaan Yang di-Pertuan Agong.

4. Permohonan kaum pendatang untuk menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Justeru, dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, ada syarat dan sumpah kewarganegaraan, iaitu Borang VIII.

5. Lahirlah bangsa Melayu yang terdiri daripada orang Melayu, orang Asli dan bukan orang Melayu (kaum-kaum etnik lain).

Sumber ubah suai: bharian.com.my, 25 Oktober 2019

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan beri komen anda mengapa orang Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948? [8 markah]

- 7 (a) Jelaskan ciri-ciri negara yang berdaulat. [4 markah]
- (b) Mengapakah kita perlu mempertahankan kedaulatan negara? [8 markah]
- (c) Baca petikan berikut.


Patriotisme amat penting kepada rakyat setiap negara. Ia bukan sekadar luahan perasaan, tetapi menuntut penghayatan setiap warganegara.

Nasionalisme pula bertujuan membebaskan diri daripada cengkaman kuasa asing. Namun, pengertian nasionalisme dalam konteks lepas merdeka pula lebih sebagai satu perjuangan mempertahankan maruah dan mempertingkatkan martabat serta kedaulatan negara.

Sumber ubah suai : bharian.com.my 30 Ogos 2020

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut. [8 markah]

- 8 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) penting untuk memperkukuhkan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi yang berterusan.
- (a) Jelaskan objektif dasar tersebut. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilaksanakan? [8 markah]
- (c) Gambar berikut menunjukkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).



Berdasarkan gambar tersebut, apakah pencapaian DEB dan DPN yang dapat dinikmati oleh rakyat? [8 markah]

-
- 9 Malaysia merupakan barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan.
- (a) Apakah tujuan rakyat Malaysia terlibat dalam isu kemanusiaan dan keamanan? [3 *markah*]
 - (b) Jelaskan pelibatan kerajaan dan rakyat dalam isu kemanusiaan dan keamanan seperti berikut:
 - (i) Isu Palestin [3 *markah*]
 - (ii) Isu Syria [3 *markah*]
 - (iii) Tsunami di Aceh dan Sri Lanka [3 *markah*]
 - (c) Cadangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menggalakkan rakyat Malaysia terlibat dalam misi kemanusiaan dan keamanan? [8 *markah*]